

## **PROGRAM 'KUASA DI TANGAN ANDA'**

19 Mei 2023 - Seramai lebih 100 pelajar Semester 3 terlibat dalam program 'Kuasa di Tangan Anda' - Seminar tentang ESG dan Pemerkasaan Diri bertempat Dewan Kuliah Utama, PSP.

Program anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersama Politeknik Seberang Perai ini terbahagi kepada 3 slot iaitu Kecekapan Tenaga, Solusi Tenaga, Career Readiness, dan 'Smarter and Greener'. Taklimat dikendalikan oleh pegawai-pegawai TNB.

Program ini telah dirasmikan oleh Ts Dr Zulhadi Zakaria, Timbalan Pengarah Akademik. Hadir bersama, Ketua Retail Tenaga Nasional Berhad Pulau Pinang- Ir Ts Norhizami bin Abu Hasan.

Pelbagai maklumat penting mengenai kecekapan tenaga dan cara penjimatan tenaga elektrik telah diberikan sepanjang sesi tersebut. Semoga program-program seperti ini dapat dapat dijalankan dengan lebih meluas kepada semua pelajar supaya generasi-generasi muda zaman sekarang dapat mengetahui mengenai kepentingan dan kaedah penjimatan tenaga dalam kehidupan seharian kita.



